yataan sedemikian diguna untuk tujuan yang seksyen-seksyen 112 dan 113 membenarkannya diguna."

Memandangkan peruntukan-peruntukan di atas dan *Abdul Ghani bin Jusoh*[18] Encik Vijandran menghujjahkan jawapan kepada persoalan ini ialah dalam negatif.

Dengan hormatnya kami berpendapat *Abdul Ghani bin Jusoh*[18] boleh dibezakan. Di sana kenyataan beramaran telah ditolak oleh Mahkamah ini bukan sahaja kerana ianya kenyataan lisan; kenyataan-kenyataan telah diturunkan secara bertulis tetapi Mahkamah tidak berpuashati ianya adalah sah dan kesukarelaannya disyaki, kerana, dalam perkataan Hakim Persekutuan Wan Suleiman, di muka surat 27:

"tiada sebab munasabah ataupun mana-mana sebab samasekali telah dikemukakan kerana kegagalan memperolehi tandatangan (atau tanda ibu jari) tertuduh di atas kenyataan masing-masing."

Perlu diperhatikan bahawa dalam *Abdul Ghani bin Jusoh*[18] soalan di hadapan Mahkamah ini ialah sama ada atau tidak suatu kenyataan yang tidak ditandatangani atau dicapjari oleh tertuduh adalah boleh diterima dan Mahkamah menjawab soalan itu dalam negatif kerana keadaan luarbiasa kes itu, tetapi dalam keadaan yang lain, sekiranya sebagai contoh telah ada suatu penjelasan yang munasbah untuk kegagalan, ianya mungkin boleh diterima. Kes itu tidak membincangkan persoalan yang ada di hadapan kami dalam kes ini, iaitu sama ada atau tidak suatu kenyataan lisan adalah boleh diterima.

Dalam penghakiman kami suatu kenyataan sedemikian *adalah* boleh diterima kerana perkataan-perkataan "seberapa yang boleh" dalam subseksyen (v) seksyen 112. Dengan hormat kepada Hakim Persekutuan Wan Suleiman dalam *Abdul Ghani bin Jusoh*,[18] dalam pandangan kami perkataan-perkataan ini meliputi bukan sahaja perkataan-perkataan "dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dibubuh dengan capjarinya sepertimana keadaan memerlukan," tetapi juga perkataan-perkataan yang terletak sebelum sahaja perkataan-perkataan tadi, iaitu "diturunkan secara bertulis" – jadi dalam pandangan kami walaupun telah ada tanggungjawab di atas Inspektor atau sesiapa yang mencatitkan kenyataan tertuduh untuk menurunkannya secara bertulis, kegagalan berbuat demikian, sekiranya ada suatu penjelasan yang munasabah untuk kegagalan sedemikian, tidak akan dengan sendirinya membuatnya tak boleh diterima. Memutuskan seperti ini ialah untuk menyelaraskan apa yang nampaknya peruntukan-peruntukan yang bercanggahan dalam subseksyen (v) seksyen 112 dan akan menjadikan takberkesan peruntukan jelas dalam subseksyen terkemudian.

Jadi, dalam penghakiman kami, jawapan kepada persoalan ketiga ialah suatu kenyataan lisan yang dibuat oleh seseorang sebelum tangkapannya kepada seorang pegawai polis yang berpangkat Inspektor ke atas boleh diterima sebagai keterangan terhadapnya di mana kenyataan tidak diturun secara bertulis, dengan syarat ada suatu penjelasan yang munasabah kerana kegagalan itu.

LIM YEAN LEONG lwn. PENDAKWA RAYA*

[Mahkamah Rayuan (Poyser H.B., Mc Elwaine H.B. (S.S.) dan Terrell H.R.) Mac 1, 1940]
[Selangor – Rayuan Jenayah No. 35/1939]

Acara jenayah – Gabungan Tuduhan – Hukuman atas tuduhan subsidiari – Kanun Acara Jenayah, ss. 163, 164, 165, 166 dan 170.

Si perayu telah dibicarakan atas sepuluh tuduhan, di antaranya, tiga tuduhan utama untuk pecahamanah kesemuanya dilakukan dalam masa dua belas bulan, dan yang lain ialah subsidiari kepada tuduhan utama. Dia dithabitkan atas ketiga-tiga tuduhan utama dan satu tuduhan subsidiari, dan dibebaskan atas tiap-tiap enam tuduhan subsidiari yang lain. Dia dihukum atas keempat-empat thabitan, hukuman itu berkuatkuasa berturut-turut. Si perayu mengatakan tuduhan berbagai itu adalah taksah.

Diputuskan: kecualian yang disebut dalam seksyen 163 Kanun Acara Jenayah adalah bukan saling mengecualikan telapi adalah saling tambah-menambah. Untuk tujuan seksyen itu tuduhan yang subsidiari kepada tuduhan utama boleh dibicarakan bersama dengan tuduhan itu, walaupun dengan berbuat demikian jumlah tuduhan melebihi tiga.

Hukuman atas suatu tuduhan subsidiari patut berjalan serentak dengan hukuman atas tuduhan utama dan bukan berturut-turut.

Kes-Kes yang dirujuk:

(1) *Emperor* v. *Jiban Kristo Bagchi*, I.L.R. 40 Cal. 318.
(2) *Emperor* v. *Sheo Saran Lal*, I.L.R. 32 All. 219
(3) *Emperor* v. *Tribhovandas Purshotamdas Mangrobwala*, I.L.R. 33 Bom. 77.
(4) *Kasi Viswanathan* v. *Emperor*, I.L.R. 30 Mad. 228.
(5) *Krishna Lal Mitra* v. *Emperor*, A.I.R. 1927 Cal. 946.
(6) *Lim Tain Chye* v. *P.P.*, 1 F.M.S.L.R. 228.
(7) *Mohamed Yakub*, A.I.R. 1932 All. 73.

---

*Dialihbahasa dari [1940] MLJ 272, oleh Puan Mimi Kamariah binte Abdul Majid LL.B. (Malaya), LL.M. (Monash), Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.

(8) *Raman Behary Das* v. *Emperor*, A.I.R. 1915 Cal. 296.
(9) *R.* v. *Tay Thye Joo* [1933] M.L.J. 35; [1932] S.S. L.R. 214.
(10) *Sheik Hassan* v. *Public Prosecutor* [1940] M.L.J. 69.
(11) *Subrahmania Ayyar* v. *Emperor*, I.L.R. 25 Mad. 61.
(12) *In re Tilak*, 1.L.R. 33 Bom. 221.

MAHKAMAH RAYUAN

R. Ramani, untuk si perayu.
T.D. Wallace, Timbalan Pendakwa Raya, untuk responden.

Poyser H.B. (memberi keputusan Mahkamah Rayuan): Si perayu telah dibicarakan atas sepuluh tuduhan yang terjatuh di bawah tiga kumpulan, dua mengenai tiga tuduhan dan satu lagi mengenai empat tuduhan:–

A. Pecahamanah sebanyak $100.40 pada 26hb Januari, 1938, dan dua tuduhan subsidiari mengenai penipuan dua buku akaun pada tarikh yang sama.

B. Pecahamanah sebanyak $450 pada 25hb Februari, 1938, dan dua tuduhan subsidiari mengenai penipuan dua buku akaun pada tarikh yang sama.

C. Pecahamanah sebanyak $807.83 pada 19hb April, 1938, dan dua tuduhan subsidiari mengenai penipuan dua buku akaun dan satu tuduhan pemalsuan pada tarikh yang sama.

Dia telah dithabitkan atas tiap-tiap satu tuduhan pecahamanah dan tuduhan pemalsuan dan telah dihukum pemenjaraan selama enam bulan atas tiap-tiap satu tuduhan tersebut, hukuman berjalan berturut-turut. Dia dibebaskan atas ke enam-enam tuduhan penipuan buku akaun.

Dia merayu berdasarkan nyataan dan undang-undang.

Dia mengatakan thabitan kurang baik kerana ada salahgabungan tuduhan-tuduhan. Sekiranya berlaku salahgabungan, walaupun perkara itu paling kecil sekali, thabitan mesti diketepikan – *Subramania Ayyar* lwn. *Emperor*.[11]

Dalam tiap-tiap tiga kumpulan kesalahan subsidiari ujud perbuatan atau ketinggalan untuk melaksanakan atau untuk menyembunyikan pecahamanah itu.

Seksyen 163 Kanun Acara Jenayah memperuntukkan tiap-tiap kesalahan berlainan hendaklah dibicarakan berasingam kecuali dalam kes-kes yang disebut dalam seksyen-seksyen 164, 165, 166 dan 170.

Seksyen 164(i) memperuntukkan apabila seseorang dituduh dengan lebih dari satu kesalahan jenis yang sama yang dilakukan dalam masa dua belas bulan dia boleh dituduh dengan dan dibicarakan dalam satu pembicaraan untuk mana-mana bilangan di antaranya tetapi tidak melebihi tiga.

Kami berhenti sebentar untuk memerhatikan bahawa di bawah seksyen 153(ii) kesalahan pecahamanah boleh dikumpulkan bersama dan tertuduh boleh dituduh dengan satu tuduhan melakukan pecahamanah sebanyak $1,358.25 di antara 1hb Mei 1937 dan 30hb April, supaya tiga tuduhan spesifik itu kurang membingungkan.

Seksyen 165(i) memperuntukkan sekiranya dalam satu siri perbuatan yang berkaitan supaya menjadi satu urusan lebih dari satu kesalahan dilakukan oleh orang yang sama, dia boleh dituduh dengan dan dibicarakan dalam satu pembicaraan untuk tiap-tiap kesalahan sedemikian.

Seksyen 166 memperuntukkan sekiranya satu perbuatan atau siri perbuatan bersifat sedemikian sehingga ada keraguan yang mana di antara beberapa kesalahan fakta yang boleh dibuktikan akan mengujudkan, tertuduh boleh dituduh dengan melakukan kesemua atau mana-mana kesalahan sedemikian; dan mana-mana bilangan tuduhan sedemikian boleh dibicarakan sertamerta, atau dia boleh dituduh, secara pilihanlain, dengan melakukan salah satu dari kesalahan tersebut.

Telah diakui bahawa semua kesalahan dalam mana-mana satu di antara tiga kumpulan boleh dituduh berasingan dan dibicarakan bersama di bawah seksyen 165, kerana ia semua dalam satu urusan (*Sheikh Hassan* lwn. *Pendakwa Raya*,[10]) tetapi telah dihujjahkan bahawa kumpulan-kumpulan tadi tidak boleh dituduh bersama.

Hujjah ini bermakna begini, bahawa kecualian-kecualian yang disebut dalam seksyen 163 ialah saling mengecualikan dan bukan saling tambah-menambah.

Keputusan dari India atas perkara ini tidak sama. Di satu pihak kita ada kes-kes seperti *Emperor* lwn. *Jihan Kristo Bagchi*,[1] dan di satu pihak lain *Emperor* lwn. *Tribhovandas Purshotamdas Mangrobwala*[3] dan *In re Tilak* [12]

Dalam kes terdahulu telah diputuskan empat

tuduhan, dua di bawah seksyen 124A Kanun Keseksaan dan dua di bawah seksyen 153 Kanun yang sama boleh dibicarakan bersama. Dalam *Tilak* ada dua tuduhan juga di bawah tiap-tiap seksyen itu.

Sebelum pembicaraan bermula kedua-dua Peguam Kerajaan dan Hakim ragu-ragu sama ada empat tuduhan itu boleh dibicarakan bersama, jadi satu ditinggalkan dan tertuduh dibicarakan dan dithabitkan atas dua tuduhan di bawah seksyen 124A dan satu lagi di bawah seksyen 153A.

Dia mohon kebenaran untuk merayu kepada Majlis Privy atas alasan (di antara lain) ketiga-tiga tuduhan bukan jenis yang sama dan tidak boleh dibicarakan bersama secara sah. Hakim Besar Scott dan Hakim Batchelor menutuskan kecualian-kecualian dalam seksyen 233 di India (seksyen 163 kanun tempatan) adalah bukan saling mengecualikan, dan, sambil bersetuju dengan kes *Tribhovandas*,[3] memutuskan bukan sahaja ketiga-tiga tuduhan telah digabungkan secara betul tetapi tuduhan yang ditinggalkan boleh juga digabungkan secara sah dengan ketiga-tiga tadi.

Kes-kes dari Bombay ini telah diikuti oleh Mahkamah Rayuan Persekutuan Tanah Melayu dalam kes *Lim Tain Chye* lwn. *Pendakwa Raya*[6] di mana sembilan tuduhan diputuskan telah dibicarakan bersama secara betul. Mahkamah memutuskan seksyen-seksyen kanun yang dinomborkan 164 dan 165 adalah bukan saling mengecualikan dan seksyen-seksyen 164 dan 165 boleh digunakan semasa menggubal tuduhan-tuduhan tambahan di mana pembicaraan ialah untuk tiga kesalahan jenis yang sama yang dilakukan dalam masa setahun.

Di Negeri-Negeri Selat Hakim Terrell, dalam kes *R.* lwn. *Tay Thye Joo*,[9] memutuskan seksyen-seksyen bersamaan dalam Kanun Acara Jenayah Negeri Selat adalah tambah-menambah dan bukan saling mengecualikan.

Kami tidak dirujuk kepada keputusan berlainan di Mahkamah di Negeri-Negeri Selat atau di Persekutuan Tanah Melayu di mana undang-undang berkenan ialah sama, dan mengikut kes-kes itu, kami memutuskan oleh kerana ketiga-tiga tuduhan pecahamanah ialah kesalahan-kesalahan jenis sama yang dilakukan dalam masa setahun boleh dibicarakan bersama, dan oleh kerana tuduhan-tuduhan subsidiari kepada tiap-tiap tuduhan pecahamanah boleh dibicarakan bersama dengan tuduhan itu, semua sepuluh tuduhan boleh dibicarakan bersama.

Ini tidak menimbulkan ketidakadilan. Keburukan yang dewan perundangan bertujuan menghalang dalam salahgabungan ialah prejudis kepada pesalah kerana kekeliruan issu-issu dan kerana penyampaian keterangan mengenai kesalahan lain yang mungkin menunjukkan akhlak yang kurang baik. Tetapi keburukan ini tidak timbul di mana keterangan mengenai kesalahan-kesalahan lain dikemukakan supaya membuktikan – bukan bahawa tertuduh berakhlak kurang baik, tetapi bahawa dia telah melakukan kesalahan yang mana dia dituduh.

Penipuan dan pemalsuan dalam Kumpulan C adalah sebahagian keterangan tertuduh telah melakukan pecahamanah sebanyak $807.83 pada 19hb April, 1938.

Kami juga berpendapat tiap-tiap kumpulan ialah sebenarnya satu tuduhan sama ada kesalahan-kesalahan itu dituduh secara tambah-menambah atau pilihanlain dan dengan itu seksyen 166 terpakai.

Oleh kerana demikian kami berpendapat walaupun telah diadakan thabitan ke atas kesepuluh-sepuluh tuduhan, sepatutnya tidak boleh ada lebih dari tiga hukuman tambah-menambah, dalam kes ini satu untuk tiap-tiap pecahamanah iaitu jenayah dengan mana yang lain ada kaitan.

Pecahamanah yang ketiga boleh dihukum lebih berat daripada yang lain sekiranya pemalsuan iaitu satu cara untuk melakukannya.

Mengenai fakta kes, ada banyak keterangan untuk membuktikan kesalahan perayu atas ketiga-tiga tuduhan pecahamanah. Hakim pembicaraan, dalam alasan keputusannya, membentangkan dengan jelas keterangan sedemikian, secara lisan dan dokumen, dan tidak perlu kami merujuk kepadanya.

Memandangkan apa yang telah kami nyatakan tadi, hukuman-hukuman atas tuduhan ketiga dan keempat berjalan serentak dan bukan berturut-turut. Tertakluk kepada perubahan hukuman ini rayuan ditolak.

Rayuan ditolak. Hukuman atas tuduhan subsidiari berjalan serentak dengan hukuman atas tuduhan utama.